

Analisis Biografi Muhammad Uthman El-Muhammady dari perspektif teori Ekologi Brofenbrenner

ABSTRAK

Muhammad Uthman el-Muhammady dikenali sebagai tokoh pemikir di Malaysia. Latar belakang kehidupannya dipenuhi dengan kepelbagaian rona kehidupan yang berlatar belakang akademik. Pemikirannya banyak mengetengahkan ajaran ahli Sunnah wal Jamaah. Beliau juga lantang menentang pemikiran-pemikiran yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah sehinggakan beliau dianggap sebagai seorang yang ekstrem. Keperibadiannya menjadi pesona dalam dunia pemikiran di Malaysia melalui kepetahannya berbahasa Inggeris dan berhujah. Kajian ini didasari oleh Teori Ekologi. Biografi Muhammad Uthman el-Muhammady dari perspektif teori ekologi yang dipelopori oleh Urie Bronfenbrenner (1979, 1986) menunjukkan pembentukan personaliti dan sahsiah tokoh terulung ini bermula di peringkat mikrosistem. Hasil kajian menunjukkan bagaimana latarbelakang kehidupan Muhammad Uthman el-Muhammady yang dididik oleh arwah ayahnya dalam mengutamakan ilmu sedari kecil telah membentuk keperibadiannya sehinggakan menjadikan beliau seorang tokoh semasa yang disanjung masyarakat kerana ketinggian ilmunya. Corak kehidupannya patut dicontohi oleh semua lapisan masyarakat dalam membentuk dan mewujudkan satu personaliti yang istimewa.